

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK WIRA HJ. AHMAD B. HAMZAH

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keperluan (*wire tapping*) oleh pihak berkuasa dengan alasan usaha pencegahan dan pembanterasan awal untuk sebarang aktiviti jenayah terancang dan aktiviti subversif yang telah mengakibatkan satu pencabulan hak asasi manusia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian ini tidak menafikan bahawa terdapat keperluan *wire tapping* oleh pihak berkuasa untuk mencegah dan membanteras aktiviti jenayah terancang dan subversif. Walau bagaimanapun, tindakan *wire tapping* ini adalah dibenarkan di bawah peruntukan undang-undang. Sebagai contoh, Seksyen 6 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas 2012) atau SOSMA.

Di bawah Seksyen 6 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas 2012) atau SOSMA, peruntukan tersebut membolehkan mana-mana pegawai polis memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos semasa penghantaran melalui pos, memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima oleh mana-mana komunikasi atau memintas atau mendengar apa-apa perbualan telefon melalui mana-mana komunikasi yang dipercayai mengandungi maklumat tentang perlakuan kesalahan keselamatan oleh seseorang individu. Namun demikian, dalam pelaksanaan Seksyen 6 ini, pihak polis dikehendaki memohon kebenaran secara bertulis kepada pendakwa raya sebelum sebarang proses pintasan komunikasi dilakukan.

Pintasan atau *wire tapping* ini tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya. Sebarang kelulusan yang diberikan adalah atas alasan keselamatan dan dibuat mengikut kes (*based on case basis*). Ia juga adalah tertakluk kepada tatacara pintasan komunikasi di bawah SOSMA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Labuan akan diperlengkapkan dengan kemudahan yang belum terbina seperti jeti pendaratan dan sebagainya dalam tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks Pendaratan Ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Labuan telah beroperasi secara berperingkat sejak tahun 2015. Dalam fasa pertama, kompleks tersebut telah dilengkapi dengan:

- (i) *bay* pendaratan yang diiktiraf oleh Kesatuan Eropah bagi tujuan eksport
- (ii) kawasan membaiki pukot
- (iii) kilang pemprosesan air batu
- (iv) kemudahan bilik sejuk
- (v) kemudahan jualan bahan api untuk vesel
- (vi) tapak pusat pemprosesan produk
- (vii) bangunan pasar borong dan runcit
- (viii) pusat pengumpulan dan pengedaran ikan
- (ix) pusat lelongan ikan

2. Bagi pembangunan fasa kedua, projek telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2019. Antara komponen yang akan dilengkapi adalah:

- (i) jeti dermaga dwifungsi bagi tujuan pendaratan dan tambatan
- (ii) kuarters pekerja
- (iii) tangki air dan rumah pam
- (iv) sistem retikulasi air luaran dan kumbahan
- (v) kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan jalan utama

Kerja-kerja ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN :

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan keluar masuk warga terutama dari negara Asia ke negara kita bermula 1 Mei 2018 sehingga 31 Mei 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan warga asing yang memasuki Malaysia pada dari 1 Mei 2018 sehingga 31 Mei 2019, jumlah warga asing yang memasuki Malaysia adalah seramai 25,914,053 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan kemasukan warga asing dari negara Asia adalah sebanyak 24,687,489 orang.